



## POLISI HARTA INTELEK

**PUSAT INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN (ICC)  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

## **ISI KANDUNAN**

1.0	PENGENALAN	3
2.0	OBJEKTIF	3
3.0	TAFSIRAN	4
3.1	Ahli	4
3.2	Cap Dagangan	4
3.3	Ciptaan	4
3.4	Hak Cipta	5
3.5	Hak-Hak Paten	5
3.6	HI	5
3.7	ICC	5
3.8	Jawatankuasa Pemilih	6
3.9	Kerja-Kerja Ilmiah	6
3.10	Paten	6
3.11	Pelajar	6
3.12	Pelupusan HI	6
3.13	Pembaharuan Utiliti	6
3.14	Perekacipta	7
3.15	Petunjuk Geografi	7
3.16	Reka bentuk Perindustrian	7
3.17	Reka bentuk Susun Atur Litar Bersepadu	7
3.18	Staf	7
3.19	Sumber Universiti	8
3.20	Universiti	8
4.0	PRINSIP-PRINSIP DAN PERUNTUKAN AM	8
5.0	PROSEDUR PENDAFTARAN HARTA INTELEK	9
6.0	HAK PEMILIKAN HARTA INTELEK (HI)	10
6.1	HI CIPTAAN STAF	10
6.2	HI CIPTAAN PELAJAR	10
6.3	HI CIPTAAN BERSAMA PIHAK KETIGA	11
7.0	KEWAJIBAN UNIVERSITI	11
8.0	TANGGUNGJAWAB AHLI	12
9.0	PENGKOMERSIALAN HI	13
10.0	PENGIKTIRAFAN HAK MORAL	13
11.0	PELUPUSAN HI	14
12.0	PROSES KERJA PELUPUSAN HI	15
13.0	TARIKH KUATKUASA	15
	LAMPIRAN 1 - CARTA ALIR PENDAFTARAN HARTA INTELEK	16

## **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Polisi Harta Intelek Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “Polisi HI UTHM”) adalah terpakai kepada semua staf, pelajar dan/atau rakan kongsi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “Ahli”) serta pihak-pihak berkaitan yang akan mendapat faedah melalui ikatan undang-undang atau mempunyai hubungan kontrak dengan UTHM.
- 1.2 Polisi HI UTHM menggariskan polisi Universiti berhubung dengan pengurusan dan kawal selia Harta Intelek yang tafsirannya diterangkan di Bahagian 3, hak dan aset yang terhasil daripada penyelidikan, inovasi, ciptaan dan hasil kreatif, pengurusan, penciptaan, perlindungan, pengkomersialan, eksploitasi dan pengembangan hak-hak tersebut.
- 1.3 Polisi HI UTHM akan menentukan tafsiran hakmilik HI, perkongsian hak HI antara Perekacipta dan Universiti dan/atau rakan kerjasama serta hak dan tanggungjawab memanfaatkan HI yang dilindungi melalui Universiti.
- 1.4 UTHM berhak untuk meminda polisi ini pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.

## **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Untuk melindungi hak Universiti dan perekacipta terhadap HI yang dihasilkan melalui polisi HI yang jelas.
- 2.2 Untuk mewujudkan kesedaran dan kefahaman tentang kepentingan pendaftaran harta intelek;
- 2.3 Untuk mengenalpasti keperluan pengkomersialan HI bagi manfaat bersama;
- 2.4 Untuk menyatakan hak pemilikan dan pengagihan hak antara Universiti, Perekacipta dan/atau rakan kongsi.
- 2.5 Untuk menerangkan mengenai kepentingan mengiktiraf hak moral perekacipta.

- 2.6 Untuk menjelaskan mengenai pengurusan penyelesaian pertikaian yang wujud.

### **3.0 TAFSIRAN**

#### **3.1 Ahli**

Termasuk staf, pelajar dan/atau rakan kongsi Universiti.

#### **3.2 Cap Dagangan**

**Cap Dagangan** ertinya apa-apa tanda yang boleh dinyatakan secara grafik yang boleh membezakan barang-barang atau perkhidmatan satu perusahaan daripada perusahaan-perusahaan yang lain.

**Tanda** termasuklah apa-apa huruf, perkataan, nama, tandatangan, angka, logo, jenama, tajuk, lable, tiket, bentuk barang-barang atau bungkusannya, warna, bunyi, bau, hologram, kedudukan, urutan gerakan atau apa-apa gabungannya.

**Cap Kolektif** adalah suatu tanda yang menunjukkan barang-barang atau perkhidmatan anggota persatuan yang merupakan tuan punya cap kolektif daripada perusahaan yang lain

**Cap perakuan** adalah suatu tanda yang membezakan barang-barang atau perkhidmatan dengan tanda itu hendaklah digunakan adalah diperaku oleh tuan punya cap perakuan berkenaan dengan tempat asal, bahan, cara pengilangan barang-barang atau pelaksanaan perkhidmatan, kualiti, ketepatan atau ciri-ciri lain.

#### **3.3 Ciptaan**

Setiap kemajuan yang baharu dan berguna bagi proses, mesin, produk atau lain-lain keluaran kilang atau komposisi jirim yang boleh dipatenkan dan direkodkan secara bertulis atau lain-lain kaedah. Ianya juga boleh merangkumi apa-apa pengetahuan yang berkaitan, dokumen, perisian komputer atau lain-lain media di mana ciptaan tersebut diterangkan atau terkandung.

### **3.4 Hak Cipta**

Hak Cipta adalah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka. Perlindungan hakcipta di Malaysia adalah berasaskan kepada Akta Hakcipta 1987.

### **3.5 Hak-Hak Paten**

Semua hak-hak paten dalam dan pada sesuatu ciptaan yang boleh wujud di mana-mana dalam dunia termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- i. hak untuk memohon dan mendapatkan paten atau lindungan lain dalam bentuk yang serupa berkenaan ciptaan itu di dalam mana-mana negara;
- ii. hak untuk menuntut keutamaan di bawah mana-mana konvensyen dan perjanjian antarabangsa;
- iii. semua hak-hak yang termaktub di bawah mana-mana paten atau lindungan dalam bentuk yang serupa apabila diberikan; dan
- iv. permohonan paten di mana-mana negara (termasuk pecahan sebahagian, sambungan, sambungan berbahagian, sijil lindungan tambahan, keluaran semula dan lanjutan.

### **3.6 HI**

HI bermaksud apa-apa karya, ciptaan, rekaan, varieti baru tumbuhan, maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan yang layak untuk mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang-undang Harta Intelek, khususnya Akta Hak cipta 1987, Akta Paten 1983, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, Akta Cap Dagangan 2019, Akta Petunjuk Geografi 2000, Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000, Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 dan undang-undang ‘Common Law’.

### **3.7 ICC**

Pusat Inovasi dan Pengkomersialan

### **3.8 Jawatankuasa Pemilih**

Jawatankuasa Pemilih adalah jawatankuasa yang dibentuk untuk membuat penilaian dan penentuan bagi Harta Intelek yang ingin didaftarkan atau dilupuskan melalui Universiti.

### **3.9 Kerja-kerja Ilmiah**

Monograf, artikel jurnal, rencana, kertas kerja persidangan atau buku, termasuk bab-bab dalam buku dan teks dalam helaian keras atau terbitan elektronik atau dalam format lain.

### **3.10 Paten**

Patent adalah satu hak eksklusif yang dianugerahkan untuk suatu rekacipta, sama ada ia adalah satu produk atau satu proses untuk melakukan sesuatu yang baharu atau penyelesaian teknikal ke atas sesuatu masalah.

### **3.11 Pelajar**

“Pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, praijazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan di Universiti, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah. Ianya tidak termasuk pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti.

### **3.12 Pelupusan HI**

Pelupusan HI merupakan proses untuk mengeluarkan senarai pemilikan HI Universiti daripada milikan, kawalan, simpanan dan rekod UTHM mengikut kaedah yang ditetapkan (**Rujuk 11.0: PROSES PELUPUSAN HI**).

### **3.13 Pembaharuan Utiliti**

Perbaharuan utiliti adalah hak eksklusif yang diberikan terhadap suatu rekacipta kecil yang tidak memerlukan ujian langkah merekacipta sebagaimana yang diperlukan untuk mendapat paten.

### **3.14 Perekacipta**

Ahli atau individu yang menghasilkan, mencipta, menemui atau memulakan sebarang Hakmilik Harta Intelek, meliputi juga maksud “sedang mencipta” dan “telah mencipta”.

### **3.15 Petunjuk Geografi**

Petunjuk geografi adalah tanda yg digunakan ke atas sesuatu produk kerana produk tersebut mempunyai kualiti dan reputasi yang boleh dikaitkan dengan kawasan berkenaan.

### **3.16 Reka bentuk Perindustrian**

Reka bentuk Perindustrian ialah ciri bentuk, tatarajah, corak atau hiasan yang digunakan pada sesuatu barang melalui apa-apa proses atau cara perindustrian, iaitu ciri yang ada pada barang siap, merupakan ciri yang menarik dan dinilaikan dengan pandangan mata.

### **3.17 Reka bentuk Susun Atur Litar Bersepadu**

Reka bentuk susun atur litar bersepadu adalah suatu susunan tiga dimensi unsur-unsur sesuatu litar bersepadu yang mengandungi sebahagian atau semua unsur-unsur hubungan litar bersepadu atau keseluruhan susunan tiga dimensi disediakan untuk tujuan persediaan bagi proses perkilangan.

### **3.18 Staf**

Semua Staf Akademik, Staf Bukan Akademik, Staf Kontrak, atau manajera Staf UTHM yang digaji mengikut kontrak sama ada tetap atau bertempoh, sepenuh masa atau sambilan. Ini juga termasuk mereka yang dijemput untuk mengambil bahagian dalam program penyelidikan Universiti sebagai fello pelawat atau fello penyelidik atau pasca-kedoktoran.

### **3.19 Sumber Universiti**

Kewangan, perkhidmatan, atau harta yang dimiliki, disediakan atau diperolehi oleh Universiti dan termasuk:

- i. Hakmilik Harta Intelek yang sedia ada dan terletak haknya pada Universiti;
- ii. Dana yang diperolehi oleh Universiti;
- iii. Komputer, buku, perpustakaan, makmal dan lain-lain perkakas.

### **3.20 Universiti**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

## **4.0 PRINSIP-PRINSIP DAN PERUNTUKAN AM**

- 4.1 Semua tafsiran dalam Bahagian 3 hendaklah dirujuk bagi keseluruhan polisi ini.
- 4.2 UTHM bertanggungjawab melindungi dan membangunkan Hakmilik Harta Inteleknya, dan Ahlinya bertanggungjawab membantu mencapai objektif ini.
- 4.3 UTHM berhak menuntut hakmilik penuh terhadap HI yang didaftarkan dan faedah di atas atau dari setiap HI yang dicipta oleh Ahlinya yang menggunakan Sumber Universiti.
- 4.4 UTHM dan Perekacipta berkenaan berhak untuk mengkomersilkan HI.
- 4.5 UTHM mengiktiraf dan mengakui bahawa setiap Perekacipta berhak mendapat hak pembahagian ciptaan yang saksama daripada pulangan kewangan yang dihasilkan.
- 4.6 UTHM akan berkongsi setiap manfaat yang berpunca dari HI dengan Perekacipta HI yang berkenaan.

- 4.7 UTHM berhak membuat perjanjian dengan Pihak Ketiga berkaitan dengan hak milik dan penggunaan HI Universiti.
- 4.8 Pihak UTHM mempunyai hak untuk mengambil tindakan terhadap sebarang bentuk pelanggaran peruntukan yang terdapat dalam Polisi HI UTHM ke atas pihak yang berkaitan.

## 5.0 PROSEDUR PENDAFTARAN HARTA INTELEK

- 5.1 Carta alir proses pendaftaran harta intelek Universiti seperti di lampiran 1.
- 5.2 Perekacipta membuat permohonan pendaftaran harta intelek dengan mengisi borang "*Invention Disclosure*".
- 5.3 Penilaian harta intelek di peringkat awal (*Preliminary Patent Evaluation*) dikendalikan oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan) yang dilantik. Timbalan Dekan (PP&P) akan mengisi borang penilaian HI (*Patent Evaluation Form*).
- 5.4 Panel penilaian akan meluluskan permohonan pendaftaran harta intelek ke peringkat *Patent Search* berdasarkan kepada penilaian yang dilaksanakan. Permohonan yang tidak diluluskan dikembalikan kepada Penyelidik.
- 5.5 *Patent Search* dilaksanakan oleh Paten Agen.
- 5.6 Paten Agen menghasilkan laporan *Patent Search* dan serahkan kepada ICC.
- 5.7 ICC memaklumkan kepada perekacipta untuk persetujuan bagi meneruskan pendaftaran Harta Intelek.

- 5.8 ICC akan memberikan arahan kepada Patent Agen untuk meneruskan *Patent Drafting* dan *Filing*. Paten Agen akan mendaftarkan permohonan dan akan memperolehi nombor PI. ICC akan memantau bersama Paten Agen sehingga permohonan itu mendapat status *Patent Granted*.
- 5.9 Permohonan yang tidak lulus akan dikembalikan kepada Penyelidik.

## **6.0 HAK PEMILIKAN HARTA INTELEK (HI)**

### **6.1 HI CIPTAAN STAF**

- 6.1.1 Semua hasil penyelidikan dan inovasi yang dibuat di universiti adalah menjadi hak milik universiti. Walaubagaimanapun, staf mempunyai hak sebagai perekacipta dan mempunyai hak dalam sebarang bentuk agihan hasil yang diperolehi daripada eksplotasi ciptaan tersebut.
- 6.1.2 Bagi projek-projek yang dijalankan bersama dengan pihak luar, Universiti hendaklah menyediakan dan menandatangani Perjanjian HI bersama dengan pihak tersebut.

### **6.2 HI CIPTAAN PELAJAR**

- 6.2.1 Semua hasil penyelidikan dan inovasi yang dibuat di universiti adalah menjadi hak milik universiti. Walaubagaimanapun, pelajar mempunyai hak sebagai perekacipta dan mempunyai hak dalam sebarang bentuk agihan hasil yang diperolehi daripada eksplotasi ciptaan tersebut.
- 6.2.2 Pelajar yang juga merupakan Staf Universiti akan dianggap sebagai Staf apabila timbul pertikaian berkenaan dengan HI selama beliau berkhidmat di Universiti.
- 6.2.3 Pelajar UTHM tetapi dalam masa yang sama merupakan staf bagi universiti/agensi yang lain, maka UTHM boleh mempertimbangkan untuk mendaftarkan nama universiti/agensi tersebut semasa pendaftaran HI sebagai pemilik bersama.

### **6.3 HI CIPTAAN BERSAMA PIHAK KETIGA**

- 6.3.1 Sekiranya pihak ketiga telah membuat sumbangan terhadap usahasama sehingga menghasilkan ciptaan Hakmilik HI, umpamanya, dengan menyediakan pembiayaan dan mendapatkan khidmat kerjasama saintifik atau teknikal daripada pihak ketiga tersebut, maka HI yang dihasilkan boleh dimiliki secara bersama.
- 6.3.2 Semua perjanjian perkongsian hendaklah mengandungi syarat-syarat yang menentukan hak-hak semua pihak untuk mengkomersilkan mana-mana HI yang akan dimiliki bersama.
- 6.3.3 Dalam rundingan perjanjian perkongsian dengan pihak ketiga, Pihak Universiti akan menentukan:
  - i) Perekaciptanya terlibat dalam rundingan pada setiap peringkat, dan;
  - ii) Syarat-syarat perjanjian adalah selaras dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di dalam polisi ini.

### **7.0 KEWAJIBAN UNIVERSITI**

- 7.1 Pihak Universiti akan memastikan kebebasan Ahli untuk menerbitkan apa-apa juga penulisan berkenaan ciptaan hasil penyelidikan tertakluk kepada kontrak penyelidikan.
- 7.2 Pihak Universiti berhak menentukan pembahagian daripada pulangan Pengkomersialan HI kepada pihak-pihak berkaitan, termasuk mengagihkan sejumlah keuntungan tersebut kepada peruntukan penyelidikan bagi kelestarian aktiviti penyelidikan. Kadar agihan hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Pengkomersialan Universiti yang sedang berkuatkuasa.

- 7.3 Sebarang aktiviti Pengkomersialan oleh pihak lain yang dilantik oleh pihak Universiti adalah tertakluk kepada perjanjian Pengkomersialan antara Universiti dan pihak yang dilantik. Perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian di dalam dokumen perjanjian:
- i) Perekacipta boleh dilibatkan dalam perundingan dan proses Pengkomersialan;
  - ii) Proses Pengkomersialan perlu menepati tempoh masa yang ditetapkan;
  - iii) Apabila rancangan yang telah dipersetujui tidak mencapai sasaran, rundingan semula dengan Perekacipta hendaklah dilaksanakan; dan
  - iv) Membolehkan penyerahan semula hak HI kepada Perekacipta apabila pihak Universiti memutuskan untuk tidak mengkomersilkan HI tersebut.

## **8.0 TANGGUNGJAWAB AHLI**

- 8.1 Bertanggungjawab memastikan hak milik HI Universiti adalah terpelihara dan tidak bercanggah dengan hak HI Universiti.
- 8.2 Mendapatkan kebenaran Universiti sekiranya ahli hendak memohon paten atau pendaftaran hak HI yang lain.
- 8.3 Mendapatkan kebenaran Universiti sekiranya ahli hendak terlibat dalam kontrak, perbincangan atau rundingan yang bercanggah dengan HI Universiti bersama Pihak Ketiga.
- 8.4 Apabila seseorang Ahli mencipta HI yang dimiliki Universiti dan yang berpotensi dikomersialkan, beliau mestilah memaklumkan pihak Universiti mengenai HI tersebut dengan segera dan sebelum menjadi pengetahuan pihak luar mengikut prosedur yang ditetapkan.

- 8.5 Membekalkan semua butiran yang diperlukan untuk menilai dan melindungi HI apabila diminta oleh pihak Universiti.
- 8.6 Memahami dan mematuhi syarat-syarat kontrak sebelum mengambil bahagian dalam kontrak penyelidikan dengan Pihak Ketiga.

## **9.0 PENGKOMERSIALAN HI**

Universiti berhak melaksanakan Pengkomersialan HI milik Universiti dengan merujuk kepada Polisi Pengkomersialan UTHM yang sedang berkuatkuasa.

## **10.0 PENGIKTIRAFAN HAK MORAL**

- 10.1 Pihak Universiti akan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menghormati hak-hak seorang Perekacipta agar diberi pengiktirafan, dan berusaha menentukan orang lain juga menghormati hak-hak tersebut.
- 10.2 Universiti boleh mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk berunding dengan Perekacipta, sebelum mengubahsuai atau mengadaptasi HI, namun tidak termasuk dalam keadaan di mana Universiti merupakan pemilik hak cipta bahan mengajar daripada pihak luar. Dalam keadaan yang tersebut, pihak Universiti boleh mengubahsuai atau mengadaptasi bahan-bahan itu mengikut budi bicaranya.

## **11.0 PELUPUSAN HI**

- 11.1 Universiti boleh mengambil tindakan untuk melupuskan HI bertujuan untuk mengurangkan perbelanjaan penyelenggaraan tahunan terhadap HI yang belum / telah mendapat status *Patent Granted* yang didaftarkan di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan pendaftaran di luar Negara.
- 11.2 HI hak milik Universiti boleh dilupuskan berdasarkan justifikasi berikut:

- i. Tiada manfaat ekonomi kerana tidak berpotensi untuk dikomersilkan;
  - ii. Teknologi lama / usang / *out-dated* / *obsolete*;
  - iv. Luput tempoh perlindungan;
  - v. Tempoh penilaian harta intelek yang terlalu lama; dan / atau
  - vi. Apa-apa sebab yang difikirkan perlu oleh Universiti.
- 11.3 Pelupusan HI Universiti adalah melalui kaedah – kaedah seperti yang berikut dan perlu dilaksanakan secara berturutan:
- i. Memindahkan keseluruhan pemilikan HI daripada Universiti kepada Perekacipta dengan kaedah '*Outright Sale*'; atau
  - ii. Membuat tawaran kepada mana-mana pihak lain yang berminat untuk membeli, memiliki dan mengkomersilkan HI tersebut setelah mendapat kebenaran Perekacipta asal ; dan / atau
  - iii. Membatalkan pendaftaran hak milik harta intelek berkaitan daripada rekod Harta Intelek Universiti dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

## 12.0 PROSES KERJA PELUPUSAN HI

- 12.1 ICC akan mengenalpasti HI yang telah didaftarkan setelah menjangkau tempoh maksimum **tiga (3) tahun** dari tarikh *Patent Granted* atau **lima (5) tahun** selepas dokumen permohonan difaiklan.
- 12.2 ICC akan mengeluarkan arahan kepada Perekacipta untuk melengkapkan borang maklumat status produk/teknologi (**UTHM.ICC.HI-003/2018**) yang berkaitan untuk mendapatkan makluman terkini.

- 12.3 Perekacipta mengembalikan borang tersebut kepada ICC untuk pengesahan.
- 12.4 Perekacipta diberikan pilihan untuk melupuskan pendaftaran HI berdasarkan kaedah di para 10.
- 12.5 Jawatankuasa Teknikal Inovasi Pengkomersialan dan Perundingan akan bersidang untuk menilai dan mempertimbangkan permohonan pelupusan tersebut.
- 12.6 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Inovasi Pengkomersialan dan Perundingan akan mengemukakan permohonan yang diperakukan ke Mesyuarat Senat untuk kelulusan.
- 12.7 ICC akan mengeluarkan surat keputusan pelupusan pemilikan HI Universiti kepada Perekacipta. Perekacipta dan Universiti akan bersama-sama melaksanakan usaha untuk permohonan pertukaran pemilikan HI berkenaan kepada pihak MyIPO dan agen harta intelek yang mengawal selia rekod pendaftaran HI berkenaan.

### **13.0 TARIKH KUATKUASA**

Garis Panduan ini akan berkuatkuasa pada tarikh kelulusan.

## CARTA ALIR PENDAFTARAN HARTA INTELEK



